



18 MAY, 2023

Berjaya Rail minat teruskan projek HSR KL-Singapura


Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

BISNES

Berjaya Rail minat teruskan projek HSR KL-Singapura



Syarikat tubuh unit perniagaan rel untuk ceburi segmen kereta api

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Berjaya Land menuhubkan unit perniagaan rel, Berjaya Rail Sdn Bhd dalam usahanya untuk mengecuburi segmen kereta api dengan tumpuan terarah kepada projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR).

Berjaya Land adalah anak syarikat Berjaya Corporation Bhd, konglomerat yang dikuasai biliarair, Tan Sri Vincent Tan.

Dalam satu kenyataan, Berjaya Land berkata, ia akan terbabit dalam proses permintaan maklumat yang dilaksanakan MyHSR Corp Sdn Bhd, syarikat di bawah Kementerian Kewangan.

"Berjaya Rail akan menjalankan



Kerajaan teliti cadangan pelaksanaan semula projek HSR Kuala Lumpur-Singapura, memabkitkan pelaburan swasta.

(Foto hiasan)

unit perniagaan yang membabitkan pembinaan kereta api dan kereta api bawah tanah, reka bentuk, pembekalan dan pemasangan sistem kereta api, pembangunan harta tanah berorientasi transit (TOD), perkhidmatan perundungan dan latihan untuk penyelesaian teknikal yang berkaitan," katanya.

Bagi tujuan itu juga, Berjaya Rail dalam kenyataan itu mengumumkan pelantikan Farizul Baharom sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Berjaya Land berkata, Farizul mempunyai pengalaman yang pelbagai termasuk pernah menjadi Penasihat Khas kepada Menteri Pengangkutan, Ketua Pe-

jabat Pengurusan Projek untuk LRT3 di Prasarana Malaysia Bhd, Ketua Undang-Undang & Ketua Rel Rentas Sempadan bagi HSR dan Sistem Transit Rapid (RTS) Johor Bahru-Singapura (RTS) di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

"Sebagai tambahan, Farizul akan disertai oleh lembaga pegangsa yang berpengalaman terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam kejuruteraan, kewangan dan perbankan, pembangunan harta tanah serta perundungan dua hala rentas sempadan untuk pengangkutan infrastruktur dan perkhidmatan," katanya.

Kementerian teliti cadangan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke sebelum ini menyatakan pihaknya sedang meneliti kertas cadangan projek pelaksanaan semula HSR Kuala Lumpur-Singapura, memabkitkan pelaburan swasta.

Beliau berkata, beberapa syarikat swasta menyatakan minat melaksanakan semula projek HSR dengan kementerian kini masih pada peringkat maklum balas berikutnya ada beberapa syarikat swasta tampil menyatakan minat melaksanakan projek mega itu.

Namun, katanya kementerian akan meneliti terlebih dahulu model pelaksanaan dan pembiayaan yang mahu diguna pakai syarikat swasta berminal dalam membina HSR.

Pada 8 Mac lalu, Loke dilapor berkata, setakat ini tiada sebarang keputusan diputuskan kerajaan mengenai pembangunan HSR KL-Singapura selepas perjanjian projek berkenaan dengan Singapura disahkan berakhir pada 31 Disember 2021, meyakinkan projek berkenaan terbatas.

Malaysia dan Singapura mula menandatangani perjanjian dua hala mengenai projek itu pada 13 Disember 2016, tetapi menamatkan projek itu selepas mengalami beberapa kelewatan.

Projek yang sepatutnya memabkitkan pembangunan sepanjang 350 kilometer itu akan mendekkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura kepada hanya 90 minit.



18 MAY, 2023

Berjaya Rail minat teruskan projek HSR KL-Singapura

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Syarikat tubuh unit perniagaan rel untuk ceburi segmen kereta api

Berjaya Land menubuhkan unit perniagaan rel, Berjaya Rail Sdn Bhd dalam usahanya untuk menceburi segmen kereta api dengan tumpuan terarah kepada projek Kereta Api BerkelaJUAN Tinggi (HSR). Berjaya Land adalah anak syarikat Berjaya Corporation Bhd, konglomerat yang dikuasai bilionair, Tan Sri Vincent Tan.